


Oleh Shahril Ramli

PKS Agen Merangsang Ekonomi Negara



USAHAWAN perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia disarankan supaya mengambil perhatian dan peluang daripada pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang dimeterai pada hujung tahun lalu. Tahap kesedaran usahawan PKS di negara ini terhadap perkembangan semasa dikatakan masih lagi rendah, termasuk terhadap hal yang berkaitan cadangan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Sukar bagi usahawan untuk memperoleh manfaat daripada pelbagai persekitaran dan perkembangan semasa, seperti Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA), AEC

dan TPPA, sekiranya hal tersebut tidak diberikan perhatian serta difahami secara dinamik.

Oleh hal yang demikian, langkah strategik perlu dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan kepekaan, pengetahuan, dan kemahiran dalam kalangan usahawan PKS bagi memastikan mereka lebih berdaya saing bagi mengharungi pasaran yang lebih luas itu. Usahawan PKS harus mengetahui keupayaan mereka dan menjadi lebih berinovasi untuk mengolah idea kepada pelan perniagaan yang berpotensi untuk dikembangkan sehingga peringkat serantau dan global. PKS tempatan juga digesa agar bersiap siaga dengan persaingan yang lebih sengit dalam pasaran AEC.

AEC merupakan kesepakatan dalam kalangan ASEAN untuk melaksanakan perdagangan dengan lebih terbuka melalui penghapusan tarif cukai dan bukan cukai, kebebasan pasaran kerja (kemahiran tinggi) dan pergerakan modal yang bertujuan bagi menjadikan ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal. Rantau ASEAN ialah kuasa ekonomi ketujuh terbesar dunia dengan gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dianggarkan berjumlah AS\$2.4 trilion (RM10.74 trilion). Pada tahun 2014, KDNK rantau ASEAN mencecah 4.6 peratus dan diunjurkan meningkat kepada 4.9 peratus pada hujung tahun 2015, manakala pada awal tahun depan diramalkan mencapai sebanyak lima peratus.

Dengan itu, PKS tempatan juga perlu berusaha lebih gigih untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran, kualiti, dan keupayaan bagi bersaing dalam permintaan pasaran yang kompetitif. Pembangunan perniagaan PKS sentiasa mendapat perhatian dan pelbagai usaha diambil oleh kerajaan dan banyak agensi untuk memastikan usahawan tempatan terus berkembang pesat serta menjadi agen perangsang pertumbuhan ekonomi negara.

PKS memberikan sumbangan yang signifikan kepada KDNK dengan jumlah 32.2 peratus pada tahun 2010, 35.9 peratus pada tahun 2014 dan diunjurkan mencatatkan 41 peratus pada tahun

2020. Oleh itu, Belanjawan 2016 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, turut memberikan penekanan kepada sektor PKS yang berperanan penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi tempatan.

Sementara itu, untuk menggalakkan lebih banyak syarikat PKS melebarkan sayap pada peringkat serantau dan antarabangsa, SME Bank yang ditubuhkan pada tahun 2005, menyediakan program pembiayaan SME-Go bagi menyokong PKS yang sudah pun memulakan atau baru berhasrat untuk mengeksport barangan dan perkhidmatan mereka ke luar negara. Hal ini selari dengan fungsi SME Bank sebagai pusat pembiayaan sehenti dan pembangunan perniagaan dengan matlamat membangunkan industri PKS di Malaysia.

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan SME Bank, Datuk Mohd. Radzif Mohd. Yunus, dana bernilai RM100 juta diperuntukkan untuk melaksanakan SME-Go bagi PKS yang layak di bawah program Go-Ex anjuran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade). Institut perbankan itu juga menawarkan pelbagai program pembiayaan, termasuk Program Pembiayaan Usahawan Wanita (WEP), Pembiayaan Ekuiti Bumiputera (Equibumi) dan Dana Pembiayaan Bumiputera (BFF).

Peranan SME Bank bukan setakat memberikan pembiayaan, malah lebih daripada itu kerana pelbagai program intervensi turut diadakan untuk membantu PKS tempatan. Sementara itu, anak syarikat milik penuh SME Bank, Centre for Entrepreneur Development and Research Sdn. Bhd. (CEDAR), yang ditubuhkan pada tahun 2012, berfungsi menjalankan program latihan keusahawanan dan sehingga kini sudah berjaya melatih lebih daripada 13 000 orang peserta untuk sama-sama merencanakan sektor PKS yang berdaya maju itu.

Dalam perkembangan yang sama, Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) dijangkakan memberikan fokus terhadap pemerikasaan sektor PKS seiring dengan pelaksanaan AEC. Pengerusi WIEF, Tun Musa Hitam memaklumkan bahawa dengan persekitaran ekonomi global semasa, PKS dilihat mampu untuk menjadi pemangkin bagi menyumbang kepada perkembangan serta pertumbuhan ekonomi dan sosial serantau dengan lebih cemerlang. WIEF sentiasa berusaha untuk meneroka perkara baharu bagi memberikan

manfaat kepada semua negara yang menyertainya, khususnya komuniti perniagaan di ASEAN dan seluruh dunia, melalui inisiatif forum tersebut.

Dengan keadaan ekonomi global yang semakin perlahan pada masa ini, WIEF dilihat sebagai langkah yang sangat penting untuk mendekatkan jarak pendapatan bagi mewujudkan ekonomi yang mapan. Malah, hal ini dikatakan sebagai kaedah yang terbaik untuk membina ekosistem PKS kerana berperanan sebagai tulang belakang kepada pembangunan ekonomi di kebanyakan negara di dunia, termasuklah rantau ASEAN yang merangkumi 30 peratus hingga 53 peratus bagi PKS.

WIEF kali ke-11 yang berlangsung pada 3 hingga 5 November 2015 dihadiri 23 pemimpin negara, personaliti dan para menteri, di samping menghimpunkan lebih daripada 2500 delegasi yang mewakili lebih 100 buah negara Islam dan bukan Islam. Selain itu, 253 pemain industri dari seluruh dunia termasuk pemimpin global, ahli panel, penceramah terkemuka dan komuniti perniagaan turut serta dalam forum tersebut.

Pada penganjuran kali ini, WIEF terus menyokong komuniti PKS di rantau Asia Tenggara dengan menyediakan platform untuk mereka berkembang merentas sempadan serta mempelajari kemahiran baharu, kerjasama strategik serta

PKS tempatan juga perlu berusaha lebih gigih untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran, kualiti, dan keupayaan bagi bersaing dalam permintaan pasaran yang kompetitif.





padanan perniagaan, seperti Pavilion PKS, IdeaPad dan pertukaran idea. Selain memfokuskan PKS, WIEF turut membincangkan hal yang berkaitan kewangan Islam, industri halal, teknologi hijau, pendidikan, pembangunan wanita, dan industri seni kreatif.

Sokongan yang diterima dari pelbagai sudut oleh PKS seharusnya berupaya memperkasakan sektor ini dan menyasarkan langkah yang lebih optimis untuk tersenarai dalam senarai awam. Setiap PKS perlu menonjolkan profil syarikat masing-masing bagi menarik perhatian pelabur jika merancang untuk meraih modal melalui penyenaraian awam. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia,

Datuk Tajuddin Atan, sudah menjadi tanggungjawab setiap pemilik PKS untuk meyakinkan pelabur kerana pelabur selalunya bersikap memilih dan hanya menempatkan dana dalam syarikat yang diyakini mempunyai prospek yang positif.

Beliau menyatakan, tidak wujud situasi bahawa ada masa-masa tertentu sahaja yang sesuai untuk melancarkan Tawaran Awam Permulaan (IPO) bagi mendapatkan pelabur secara maksimum. Penentuan untuk mendapatkan pelabur tidak bergantung pada masa, tetapi lebih bergantung pada profil yang dikemukakan oleh setiap syarikat PKS ketika mencari pelabur.

Bursa Malaysia turut memainkan peranan dengan menyertai pelbagai seminar bagi memberikan

panduan kepada syarikat yang mahu mencari modal secara penyenaraian awam. Malah, pihaknya sendiri memperbaharu pelbagai syarat penyenaraian untuk memberikan laluan yang lebih mudah kepada PKS yang mahu disenaraikan.

Selain berperanan untuk mengembangkan aktiviti pasaran ekuiti tempatan, Bursa Malaysia turut bertanggungjawab menjaga kepentingan pelabur. Oleh hal yang demikian, amat penting untuk syarikat menyiapkan maklumat yang secukupnya jika mahu disenaraikan. Bursa Malaysia sering mengadakan pelbagai kempen promosi di pelbagai negara untuk menarik minat pengurus dana asing supaya menempatkan pelaburan di pasaran saham Malaysia.

Persediaan untuk menaikkan profil syarikat masing-masing bukan hanya sewaktu mahu melancarkan IPO sahaja, malah penting setelah syarikat disenaraikan. Hal ini dikatakan demikian kerana jumlah pelabur dalam industri saham adalah terhad berbanding dengan bilangan syarikat tersenarai yang begitu banyak.

Dalam hal ini, SME Corp. komited untuk melaksanakan pelbagai program bimbingan bagi membantu PKS agar bersedia untuk menghadapi proses penyenaraian. Antara bimbingan yang diberikan termasuklah dari segi pemahaman terhadap proses dan manfaat penyenaraian, kewangan dan teknikal serta kaedah untuk bertindak balas terhadap pasaran semasa.

Ternyata pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menyediakan dan menyalurkan segala bentuk bantuan, seperti khidmat nasihat, pembekalan, peralatan, pemasaran, di samping suntikan modal pembiayaan, memperlihatkan usaha gigih kerajaan untuk memacu ekonomi negara agar lebih berdaya saing. Dalam konteks pembangunan usahawan PKS, kerajaan peka dan konsisten untuk membangunkan komuniti yang signifikan kepada negara itu.

Dengan menyedari hakikat bahawa PKS memainkan peranan yang penting dalam usaha memacu ekonomi dan mentransformasikan ekonomi negara, kerajaan melihat PKS sebagai sektor kritikal yang perlu diberi perhatian khusus. Untuk mempergiat pertumbuhan sektor PKS, langkah memperluas skop kawasan industri di seluruh negara akan terus dilaksanakan dan menjadi antara agenda utama negara. ●

Selain berperanan untuk mengembangkan aktiviti pasaran ekuiti tempatan, Bursa Malaysia turut bertanggungjawab menjaga kepentingan pelabur.